

Congratulations

ASSOC. PROF. TS. DR. MAZLINA ABDUL MAJID

PISAH - COVID PATIENT TRACKING SYSTEM AT HOME

for winning

**TURKISH INVENTORS & INNOVATORS NETWORK AWARD
& GOLD AWARD**

in the



COVID-19 International Innovation Awards II



Congratulations

TS. DR. ROSHAHLIZA M. RAMLI

SMART UNMANNED GROUND VEHICLE (UGV) FOR COVID-19 WASTE MANAGEMENT

for winning

BRONZE AWARD

in the



Congratulations

DR. DIYANA KAMARUDIN

**HEAR ME ASSISTIVE TECHNOLOGY FOR THE DEAF AND
HEARING IMPAIRED**

for winning

**NATIONAL STEM ASSOCIATION AWARD,
EUROBUSINESS-HALLER AWARD & GOLD AWARD**

in the





اونيورسيتي مليسيا فاهڠ
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
PUSAT SAINS MATEMATIK

Congratulations!

Ts. Dr. Norazaliza binti Mohd Jamil
Dr. Balvinder Singh Gill
(Institute for Medical Research, Ministry of Health Malaysia)

A GUI Simulation Tool for Pandemic Outbreaks
for winning
Special Award
(Malaysian Association of Creativity & Innovation Award)
&
Gold Medal



MTE 2021
Malaysia Technology Expo™
COVID-19 International Innovation Awards II

Sincerely from all of us at Centre for Mathematical Sciences

 @psmumpofficial  psm.ump.edu.my  095492306   @psm_ump

[General](#)

Penyelidikan UMP diiktiraf terima anugerah khas dalam MTE

23 June 2021

PEKAN, 18 Jun 2021 – Pensyarah Fakulti Komputeran (FK), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Madya Ts. Dr. Mazlina Abdul Majid diumumkan pemenang dengan meraih pingat emas dan anugerah khas bagi kategori *Turkish Inventors and Innovators Network Award* menerusi hasil penyelidikannya yang bertajuk *PISAH Covid Patient Tracking System at Home*.

Beliau tidak menyangka perbualan bersama rakannya mengenai bagaimana untuk mengatasi isu kuarantin semasa negara dilanda pandemik Covid-19 mencetuskan idea untuk menghasilkan sebuah aplikasi bagi membantu pihak pemantau memantau pesakit atau kontak rapat yang sedang menjalani Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah ataupun Home Surveillance Order (HSO) dengan lebih efisien.

Malahan penyelidikan ini juga telah diterima dan dilihat sebagai satu sumbangan yang besar dalam menangani isu penyebaran virus Covid-19. Begitu juga dengan Dr. Diyana Kamarudin dari Fakulti Pengurusan Industri (FPI) yang berjaya meraih pingat emas dan memenangi anugerah khas bagi kategori *National STEM Association Award* dan *Euro Business-Haller Award* menerusi penyelidikannya yang bertajuk *Hear Me Assistive Technology for The Deaf and Hearing Impaired During Pandemic*.

Satu lagi pingat emas dan anugerah khas turut dimenangi Ts. Dr. Norazaliza Mohd Jamil dari Pusat Sains Matematik (PSM) bagi kategori *Malaysian Association of Creativity and Innovation Award* menerusi penyelidikan yang bertajuk *A GUI Simulation Tool For Pandemic Outbreaks*.

Manakala pingat gangsa pula telah dimenangi oleh Ts. Dr. Roshahliza M Ramli dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE) dengan penyelidikan yang bertajuk *SMART Unmanned Ground Vehicle (UGV) for Covid-19 Waste Management*.

Empat pensyarah UMP itu menempa kejayaan dengan meraih anugerah khas, tiga pingat emas dan satu pingat perak dalam pertandingan Malaysia Technology Expo (MTE) Edisi Khas Covid-19 yang berlangsung secara maya pada 14 hingga 18 Jun 2021 baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMP, Profesor Dr. Kamal Zuhairi Zamli mengucapkan tahniah kepada empat penyelidik UMP yang mengharumkan nama universiti.

“Walaupun berdepan dengan pandemik Covid-19, ia bukan halangan buat para pensyarah UMP untuk berkongsi hasil penyelidikan dalam merealisasikan agenda memasyarakatkan teknologi menerusi ciptaan hasil penyelidikan.

“Saya percaya dengan pandemik Covid-19 ini, penyelidik akan lebih cenderung untuk sama-sama membantu menghasilkan kajian yang akan memberi manfaat kepada negara,” ujarnya.

Disediakan Oleh: Nor Salwana Mohd. Idris, Unit Komunikasi Korporat, Pejabat Naib Canselor (PNC)

TAGS / KEYWORDS

[Penyelidikan UMP](#)

[MTE](#)

- 166 views

[View PDF](#)